

Saranan Untuk Industri Perfileman Malaysia Ke Arah Transformasi Persepsi Penonton Berdasarkan Kajian Kes di Kota Kinabalu, Sabah

(Recommendations for Malaysia's Film Industry Towards Transformation of Audience Perceptions Based on A Case Study in Kota Kinabalu, Sabah)

H. Diana ¹, A. Noraini ^{*2}, H. J. Zainodin ² and S. Suhaimi ³

¹Department of Postgraduate Studies, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

²Mathematics with Economics Programme, Faculty of Science and Natural Resources, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

³Communication Programme, Faculty of Humanities, Arts and Heritage, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

*norainiabdullah.ums@gmail.com

Abstrak – Industri perfileman memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pendapatan negara yang memerlukan satu transformasi sosial dilakukan untuk keluar daripada zon selesa dengan melihat jauh ke hadapan bagi mengatasi saingan dan lambakan filem dari luar negara. Ini seiring dengan arus perkembangan era globalisasi serta penghasilan pelbagai teknologi canggih cinematografi masa kini. Semua pihak khasnya para penerbit filem dan pihak berwajib memainkan peranan penting demi kemajuan filem tempatan termasuklah sumbangan masyarakat dalam memberi sokongan kepada filem tempatan khususnya. Kajian ini cuba merungkai faktor bererti dari segi persepsi masyarakat khususnya di Sabah yang mendorong mereka ke pawagam untuk menonton wayang tempatan dengan menggunakan pendekatan permodelan matematik model regresi logistik Multinomial (MLR). Proses-proses untuk mendapatkan faktor yang bererti melibatkan pembersihan data, faktor analisis, penjelmaan patung dan kaedah empat fasa pembentukan model, dimana model terbaik tanpa interaksi diperolehi menggunakan kaedah pengubahsuaian lapan kriteria pemilihan (M8SC). Hasil kajian menunjukkan model terbaik keseluruhan untuk masing-masing kategori mengandungi faktor-faktor yang bererti kepada transformasi persepsi penonton yang meningkatkan kekerapan penonton ke pawagam. Justeru, kajian seperti ini berpotensi membantu pembuat dan penerbit filem memahami citarasa penonton masa kini, dan menjadi landasan untuk satu transformasi sosial dilakukan kepada penonton untuk sama-sama membangunkan industri perfileman negara kita. **Copyright © 2016 Penerbit Akademia Baru - All rights reserved**

Kata Kunci: Industri perfileman, transformasi social, Regresi Logistik Multinomial (MLR), faktor bererti, pengubahsuaian lapan kriteria pemilihan (M8SC), model terbaik, kategori

Abstract – *The film industry has played an important role in contributing to the national income, thus it requires a social transformation to be done so as to exit from its comfort zone. Orientated by moving forward in beating their competitors, would result in the dumping of foreign films. This is also in line with the development evolved in the era of globalization, such as the production of various advanced technologies of cinematography. All parties, especially the film publishers and related authorities thus play an important role for the development of local films, besides contribution from the community in supporting these local films in particular. This study attempts to unravel significant factors in terms of public perception, especially in Sabah that drive audiences to the local cinemas to watch movies using a mathematical modeling approach, namely, the Multinomial Logistic Regression (MLR). The processes in obtaining the significant factors would involve data cleaning, factor analysis, dummy conversion and the four-phase model-building procedures, of which the best model without interactions obtained is based on the modified eight selection criteria (M8SC). The results show that the best model for each category contains significant factors in transforming the audience's perception, thus increasing the frequency of audiences to the cinemas. Hence, this type of studies can potentially assist film makers and producers to understand the tastes of the audience, and become the basis for social transformation to be made in order to help in the development of the national film industry. Copyright © 2016 Penerbit Akademia Baru - All rights reserved*

Keywords: film industry; social transformation; Multinomial Logistic Regression (MLR); significant factors; modified eight selection criteria (M8SC); best model; category

1.0 PENGENALAN

Malaysia khususnya di negeri Sabah yang memiliki seramai 3.21 juta orang penduduk menurut hasil banci 2010 dari Jabatan Perangkaan, merupakan pasaran yang berpotensi untuk menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara. Hal ini telah menjadikan Sabah merupakan salah satu negeri yang turut melalui proses transformasi ekonomi yang didorong oleh pembangunan sebuah negara berpendapatan tinggi. Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Najib Tun Razak berkata, *negara akan memberi tumpuan terhadap agenda transformasi sosial yang menjadi pelengkap kepada program-program transformasi kerajaan sebelum ini demi melahirkan masyarakat lebih seimbang, adil dan saksama* [1]. Salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menyahut seruan ini ialah mempergiatkan proses transformasi yang besar dalam industri perfileman [2]. Menurut Zaeny [3], transformasi berasal dari perkataan ‘transform’ dalam bahasa Inggeris yang bermaksud mengubah sesuatu bentuk asal kepada bentuk yang berbeza atau keadaan yang lebih baik, dan turut didefinisikan sebagai satu proses peralihan. Manakala sosial bermaksud masyarakat atau kemasyarakatan dan persepsi diertikan sebagai satu proses penerimaan naluri seseorang dan digabungkan menjadi satu pandangan yang menyeluruh terhadap persekitaran.

Kepelbagaian teknologi canggih memberi tekanan kepada industri perfileman terutama sekali dalam pembikinan filem, supaya lebih berdaya maju selaras dengan arus globalisasi semasa. Ini dibuktikan dengan peningkatan jumlah filem yang diterbit saban tahun menunjukkan industri filem negara berkembang pesat [4]. Menurut Zulkiple [5], peranan filem yang dahulunya sebagai alat hiburan tetapi kini menjadi antara media komunikasi yang berperanan menyampaikan sesuatu informasi, merangsang pembelajaran sebagai media pendidikan, menjadi alat mempengaruhi atau propaganda. Ini menunjukkan filem mampu mempengaruhi pemikiran masyarakat melalui persepsi tentang apa yang dianggap penting walaupun tidak berupaya untuk mengubah terus sikap mereka [6]. Satu transformasi sosial perlu dilaksanakan

melalui persepsi masyarakat khususnya di Sabah tentang industri filem kerana filem mampu mendidik masyarakat untuk membudayakan minda positif dan membicarakan mengenai perkara-perkara yang positif ke arah sikap yang lebih baik.

Justeru, untuk memahami keadaan ini dengan lebih mendalam bagi melaksanakan satu transformasi sosial yang mantap dari sudut industri perfileman, kajian ini akan membincangkan persepsi masyarakat di Kota Kinabalu, Sabah yang mendorong mereka untuk pergi ke pawagam dan implikasinya kepada kehidupan seharian. Dalam usaha mengubah sikap masyarakat kepada yang lebih baik, industri ini perlu mendengar pandangan masyarakat terlebih dahulu sebelum mengorak langkah yang tidak sehaluan dengan keperluan dan kehendak masyarakat.

1.1 Pernyataan Masalah

Setiap penonton mempunyai pendapat masing-masing yang mungkin berbeza di antara satu sama lain kenapa mereka memilih untuk menonton filem jika dibandingkan dengan aktiviti lain seperti pergi membeli belah, tidur, makan dan sebagainya. Pelbagai faktor yang mendorong seseorang itu menonton filem. Persoalannya dalam pelbagai faktor tersebut seperti faktor dorongan, faktor motivasi, faktor persepsi, faktor gratifikasi dan faktor genre, faktor manakah yang menjadi faktor penggalak dalam memberi pengaruh kuat kepada semua penonton untuk kerap menonton filem di pawagam. Isunya sejauh manakah faktor tersebut mampu mempengaruhi penonton sehingga berlakunya satu transformasi terhadap persepsi penonton.

2.0 ULASAN LITERATUR

Sebelum ini, beberapa kajian telah dilakukan mengenai industri filem Malaysia serta kajian yang menggunakan kaedah regresi logistik Multinomial. Antaranya Ubong [7], cuba mengenal pasti sifat dan motivasi penonton filem dalam kalangan penonton filem di Malaysia. Hal ini kerana, perubahan gaya hidup masyarakat dan pertumbuhan pesat ekonomi negara berlaku disebabkan oleh banyak faktor yang menyumbang kepada peningkatan bilangan penonton filem di Malaysia seperti faktor kepesatan kemajuan industri perfileman sejagat. Mengetahui dan mengambil kira sifat dan motivasi penonton filem dalam kalangan penonton adalah penting untuk tujuan pemasaran filem khususnya filem tempatan. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan menilai sifat dan motivasi penonton filem di Malaysia dengan memberi fokus kepada perbezaan dan persamaannya di antara penonton filem tegar dan penonton filem tidak tegar. Dua persoalan utama yang dikupas seperti wujudkah perbezaan kecenderungan sifat dan motivasi penonton di antara kumpulan responden yang dikaji dan apakah implikasinya kepada pemasaran industri filem tempatan. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dimana sebanyak 1337 telah diedarkan dalam kalangan pengunjung pawagam yang dipilih secara rawak di tujuh bandar iaitu, Kota Kinabalu, Kuching, Johor Bahru, Kuala Lumpur, Klang, Kuantan dan Alor Setar. Dapatan kajian mendapati, perbezaan sifat dan motivasi penonton filem yang ketara di antara kumpulan responden yang dikaji adalah dalam tiga aspek iaitu medium penontonan, faktor dorongan penontonan dan jenis filem yang diminati.

Disamping itu, kajian yang menggunakan kaedah regresi logistik multinomial ialah kajian yang mencari ramalan potensi kebangkrutan bank berdasarkan nisbah kewangan dan kesan pasaran. Menurut Tengku [8], kajian dijalankan untuk mencari model ramalan yang dianggap dapat menjelaskan tahap kesihatan Bank, dapat meramalkan atau mengesan potensi awal kebangkrutan bank, mencari formula yang boleh digunakan untuk semua bank, menggalakkan

perbankan yang kukuh dan pada masa yang sama mewujudkan kemakmuran ekonomi negara kerana bank dianggap tulang belakang kepada ekonomi negara. Nisbah kewangan mengenai kecukupan modal bank dan nisbah kewangan yang menggambarkan kesan pasaran telah dinilai menggunakan kaedah regresi logistik multinomial untuk menjawab pernyataan masalah dalam kajian itu.

Kajian lain yang menggunakan kaedah ini ialah kajian yang menganalisis kes terhadap penggunaan kemoterapi kanser payudara. Kajian itu dijalankan di rumah sakit "X" Surabaya. Menurut Arief dan Madu [9], kajian tersebut bertujuan untuk menentukan hubungan antara jenis kemoterapi dilakukan oleh pesakit kanser payudara dengan beberapa faktor kemoterapi. Kaedah regresi logistik Multinomial digunakan untuk menentukan seberapa besar peluang seseorang pesakit menggunakan kemoterapi bagi mencegah mahupun membunuh sel kanser dengan mencari hubungan di antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah bersandar yang digunakan ialah jenis kemoterapi iaitu kemoterapi Neoadjuvant, kemoterapi adjuvant dan kemoterapi palliative. Manakala terdapat lima kategori pembolehubah tidak bersandar pula iaitu kategori umur pesakit, Estrogen Reseptor (ER) yang terbahagi kepada negatif dan positif, Progesteron Reseptor (PR) yang terbahagi kepada negatif dan positif, HER2 (luminal A, luminal B, Her2 over expressing) dan Gred (Rendah, Sederhana, Tinggi).

Kajian Moch [10] pula mengenai pendekatan regresi logistik Multinomial pada klasifikasi pemilihan jurusan siswa SMA Negeri 5 Malang. Model regresi logistik Multinomial digunakan untuk model yang mempunyai pembolehubah peramal diskret, dua atau lebih. Model regresi logistik Multinomial berkesan digunakan pada pembolehubah bersandar yang terdiri daripada banyak kategori. Penggunaan regresi logistik Multinomial dalam disiplin pendidikan dengan mengutamakan isu mengenai pemilihan klasifikasi pelajar berdasarkan penguasaan dan minat pelajar di SMA Negeri 5 Malang. Kajian ini bertujuan untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan jurusan dan ketepatan klasifikasi yang diperolehi dengan menggunakan kaedah regresi logistik multinomial. Data dalam kajian ini terdiri daripada pembolehubah berbentuk kategori seperti jurusan sains, kajian social dan bahasa manakala pembolehubah peramal berbentuk kategori iaitu ilmu nilai kesempurnaan, kajian sosial dan Bahasa Inggeris serta kepentingan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan kesempurnaan pembolehubah IPA dan minat pelajar adalah pembolehubah yang mempengaruhi dalam pemilihan jurusan dan memperoleh klasifikasi ketepatan dengan 100 peratus dengan pengkhususan dalam bidang sains, kajian sosial dan bahasa berjumlah 93.1 peratus daripada 11.1 peratus.

3.0 METODOLOGI

3.1 Instrumen dan Persampelan

Sampel diperolehi daripada kajian lapangan ke atas 157 orang responden di pawagam dan sekitarnya yang merangkumi pusat membeli belah utama di Kota Kinabalu, Sabah. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik yang mengandungi dua bahagian utama iaitu A berkenaan tentang latar belakang responden, dan B persepsi penonton iaitu dorongan dan motivasi, sumber informasi, produksi filem pilihan, gratifikasi, kecenderungan genre, kecenderungan tema, tarikan penonton, medium penonton, pendapat tentang filem melayu buatan Malaysia, kesesuaian masa tayangan dan pandangan umum.

3.2 Kaedah Penganalisan Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 20.0* dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Statistik deskriptif merupakan kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk menyusun dan membuat interpretasi terhadap data mentah [11]. Antara teknik yang digunakan untuk menghuraikan statistik deskriptif ialah nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihai piawai.

3.3 Model Kajian

Konsep permodelan matematik digunakan untuk menganalisis data mengikut objektif kajian. Regresi logistik Multinomial digunakan untuk meramalkan penempatan ukur atau kebarangkalian keahlian kategori pada pembolehubah bersandar berdasarkan beberapa pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah tidak bersandar boleh sama ada sempit (iaitu, binari) atau berterusan (iaitu, selang atau nisbah pada skala). Regresi logistik multinomial adalah lanjutan mudah regresi logistik binari yang membolehkan lebih daripada dua kategori pembolehubah bersandar atau hasil. Seperti regresi logistik perduaan yang digunakan untuk meramal hasil daripada satu set kumpulan peramal dengan pembolehubah bersandar berbentuk dikotomi iaitu pembolehubah bersandar mengambil kira nilai 1 sebagai kebarangkalian untuk berjaya, dan 0 untuk kebarangkalian gagal [12]. Regresi logistik multinomial menggunakan anggaran kebolehdajadian maksimum untuk menilai kebarangkalian keahlian kategori.

Menurut Hosmer dan Lemeshow [13], regresi logistik *octohotomous* mempunyai pembolehubah bersandar dengan skala nominal lapan kategori digunakan dengan kategori pembolehubah bersandar Y di catatkan sebagai 0,1,2,3,4,5,6 dan 7. Pembolehubah bersandar yang dianggarkan menjadi dua persamaan logit. Sebelum itu, penentuan kategori harus dilakukan untuk menentukan hasil mana yang akan di buat perbandingan. Untuk membentuk persamaan logit, perbandingan di antara Y=1 dan Y= 2 akan dilakukan terhadap Y=0. Bentuk model regresi logistik dengan pembolehubah tidak bersandar adalah seperti yang ditunjukkan dalam persamaan (1) di bawah:

$$P_i = \frac{e^{\Omega_0 + \Omega_1 W_{1i} + \dots + \Omega_k W_{ki} + u_i}}{1 + e^{\Omega_0 + \Omega_1 W_{1i} + \dots + \Omega_k W_{ki} + u_i}} \quad (1)$$

dimana, Ω_0 ialah pintasan dan Ω ialah pekali regresi terhadap pembolehubah bersandar yang sepadan W_i , untuk $i=1, 2, 3, \dots, k$.

Kesimpulan bagi model logit ialah, kebarangkalian P_{ij} kategori bersandar j pada sub populasi i adalah

$$P_{ij} = \frac{\exp(x_i \beta_j)}{1 + \sum_{k=1}^{J-1} \exp(x_i \beta_k)}$$

dengan,

$$P_{ij} = \text{kebarangkalian sel bersamaan dengan } Y = j \text{ pada sub populasi } i \text{ dimana } i=1, 2, 3, \dots, n \text{ dan } j=1, 2, 3, \dots, n.$$

$$\beta_j = p \times 1 \text{ vektor pekali tidak bersandar ke } -j \text{ logit.}$$

dimana, kategori terakhir J adalah diandaikan sebagai kategori rujukan. Dari segi logit, model boleh dinyatakan seperti berikut:

$$\log\left(\frac{P_{ij}}{P_{iJ}}\right) = x_i \beta_j, \text{ dimana, } j = 1, 2, 3, \dots, n.$$

Bagi tujuan makalah ini, soalselidik yang digunakan merangkumi semua faktor yang mendorong penonton ke pawagam. Hal ini kerana, memahami persepsi dapat membuktikan bahawa filem mempunyai pengaruh yang besar dalam jiwa manusia sehingga ianya mampu menimbulkan perubahan dalam diri penonton [14]. Maka, transformasi sosial boleh berlaku sekiranya masyarakat kerap menonton wayang dengan menjadikannya satu proses pembelajaran serta memanfaatkan pengajaran yang diperolehi hasil tontonan untuk membuat perbandingan terhadap realiti kehidupan. Menurut Sumarno [15], pemahaman baru boleh diperolehi untuk mentransformasikan sosial dengan menonton hal realiti dunia yang dilakukan di dalam filem. Justeru, kaedah permodelan ini digunakan untuk mencari faktor bererti yang mendorong penonton kerap ke pawagam. Empat fasa pembentukan model yang terlibat dalam mencari model terbaik bagi melihat faktor yang signifikan kearah transformasi persepsi penonton ialah:

Fasa 1: Semua Model Yang Berkemungkinan

Merujuk kepada Zainodin dan Khuneswari [16], sebelum analisis dijalankan kesemua model yang berkemungkinan termasuklah model interaksi sehingga peringkat tertinggi perlulah disenaraikan terlebih dahulu. Bilangan semua model yang berkemungkinan untuk model logistik multinomial boleh dikira seperti persamaan (2) di bawah. Namun, dalam kajian ini model yang berkemungkinan tanpa interaksi sahaja yang di beri tumpuan untuk dianalisis.

$$N = \sum_{j=1}^q ({}^q C_j) \quad (2)$$

di mana,

N = bilangan model yang berkemungkinan,

q = bilangan pembolehubah kuantitatif tidak bersandar (tidak termasuk pembolehubah patung)

$j = 1, 2, \dots, q$

${}^q C_j = \frac{q!}{j!(q-j)!}$ bilangan gabungan yang berkemungkinan

Fasa 2: Model Terpilih

Fasa 2.1: Ujian Multikolinearan (*variance based (VIF)*)

Fasa 2.2: Ujian Pekali

Fasa 3: Model Terbaik

Kaedah pengubahsuaian lapan kriteria pemilihan (M8SC)

Fasa 4: Kebagusan Penyuaian

Ujian Kebagusan Penyuaian Devians

4.0 HASIL KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden dimana daripada 157 responden, majoriti responden adalah lelaki sebanyak 52.87% manakala selebihnya adalah wanita sebanyak 47.13%. Kebanyakan responden berumur antara 22-30 tahun yang mewakili 47.77% dan diikuti umur diantara 16-21 tahun iaitu 46.50% manakala kategori umur yang lain diwakili oleh peratusan masing-masing. Majoriti responden yang mewakili 66.24% adalah bumiputera Sabah, kemudian diikuti kaum Melayu (11.46%), kaum lain-lain (7.64%) dan minoriti kaum Cina (7.64%).

Jadual 1: Latar Belakang Responden

	Perkara	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	83	52.87
	Perempuan	74	47.13
Umur	Kurang 15 Tahun	1	0.64
	16 -21 Tahun	73	46.50
	22 -30 Tahun	75	47.77
	31 - 40 Tahun	6	3.82
	Lebih 41 Tahun	2	1.27
Etnik Khas	Melayu	18	11.46
	Cina	12	7.64
	Bumiputera Sabah	104	66.24
	Lain – lain	23	14.65
Taraf Pendidikan	Primari	1	0.64
	Sekundari	75	47.77
	Sijil / Diploma	63	40.13
	Ijazah	18	11.46
Agama	Islam	93	59.24
	Kristian	56	35.67
	Budha	8	5.10
Pendapatan	Tiada	79	50.32
	Kurang RM 800	19	12.10
	RM 801 -1500	36	22.93
	RM 1501 – 2500	13	8.28
	RM 2501 – 4500	7	4.46
	Lebih RM4500	3	1.91
Pekerjaan	Kerajaan	13	8.28
	Swasta	59	37.58
	Bekerja Sendiri	5	3.18
	Tidak Bekerja	10	6.37
	Pelajar	70	44.59


Kebanyakan responden yang ditemubual terdiri daripada penduduk yang beragama Islam iaitu 59.24% dan diikuti Kristian (35.67%) serta Budha (5.10%). Taburan tahap pencapaian pendidikan tertinggi pula menunjukkan lebih separuh daripada mereka mempunyai pendidikan menengah sebanyak 47.77%, sijil/diploma (40.13%), Ijazah (11.46%) dan pendidikan rendah (0.64%). Sebanyak 50.32% responden tidak memiliki pendapatan dan hanya 1.91% memperoleh pendapatan melebihi RM4500. Ini menunjukkan pendapatan seseorang tidak menjadi faktor utama yang mendorong responden pergi menonton wayang. Hal ini dibuktikan apabila majoriti responden adalah dalam kalangan pelajar iaitu 44.59%, diikuti sektor swasta sebanyak 37.58% manakala kakitangan kerajaan diwakili 8.28% sahaja dan 6.37% pula mewakili responden yang tidak memiliki sebarang pekerjaan, dan hanya 3.18% responden yang bekerja sendiri seperti melibatkan diri dalam dunia perniagaan.

Jadual 2 dan Rajah 1 menunjukkan keputusan daripada faktor analisis untuk putaran komponen matrik dan 'scree plot', tujuh pembolehubah tidak bersandar iaitu dorongan dan motivasi, genre, tarikan penonton, pendapat tentang filem Malaysia, gratifikasi, medium penonton, produksi filem dan sumber informasi mempunyai hubungan positif dengan korelasi yang tinggi terhadap pembolehubah bersandar iaitu kategori kekerapan. Tujuh pembolehubah tersebut dipilih untuk terlibat dalam proses pembentukan model regresi logistik Multinomial.

Jadual 2: Putaran Komponen Matrik

	Komponen	
	1	2
Tema	.703	.137
Genre	.688	.286
Tarikan penonton	.665	.223
Pendapat Filem	.652	-.206
Gratifikasi	.644	.302
Pandangan Umum	.631	
Kesesuaian Masa	.543	.186
Medium Penontonan	.476	.320
Produksi Filem	.404	.298
Kategori Kekerapan	-.149	.785
Dorongan & Motivasi	.348	.726
Sumber Informasi	.381	.584

Sumber: SPSS
Extraction Method: Principal Component Analysis.
Rotation Method: Varimax with Kaiser Normalization.



Rajah 1: Scree Plot

4.1 Faktor Transformasi Terhadap Persepsi Penonton

4.1.1 Model Regresi Logistik Multinomial

Model regresi logistik multinomial digunakan untuk mendapatkan nilai koefisien melalui beta faktor-faktor utama yang mempengaruhi nilai Y mengikut kategori masing-masing iaitu kekerapan penonton ke pawagam di Kota Kinabalu. Hasil kajian ini menunjukkan model terbaik untuk masing-masing kategori, yakni, Y_1 menandakan pembolehubah bersandar dalam bentuk kategori kekerapan penontonan 0 dan 1 kali dalam sebulan, Y_2 ialah kategori kekerapan

penontonan sebanyak 2 kali dalam sebulan dan Y_3 ialah kategori kekerapan penontonan sebanyak 3 hingga 4 kali dalam sebulan.

Persamaan Model Umum Kategori pertama Y_1 ialah:

$$Y_1 = \beta_0 + \tau_1 D_1 + \tau_3 D_3 + \tau_4 D_4 + \varphi_3 S_3 + \sigma_1 M_1 + \sigma_3 M_3 + \sigma_4 M_4 + \delta_1 K_1 + \alpha_2 P_2 + \alpha_3 P_3 + \alpha_4 P_4 + \alpha_6 P_6 + \gamma_7 G_7 + \gamma_8 G_8 + \pi_1 T_1 + u \quad (3)$$

dimana Y_1 menandakan pembolehubah bersandar dalam bentuk kategori iaitu kekerapan penontonan sebanyak 0-1 kali dalam sebulan.

Persamaan Model regresi Multinomial Kategori Pertama-

$$Y_1 = -1.39 - 0.86D_1 + 0.32D_3 + 0.24D_4 - 0.34S_3 - 0.78M_1 + 0.40M_3 - 0.45M_4 + 0.21K_1 + 0.81P_2 - 0.19P_3 - 0.46 P_4 + 0.79P_6 + 0.26G_7 + 0.06G_8 + 1.06T_1$$

$$R^2 \text{ Cox and Snell} = 0.125, \quad R^2 \text{ Nagelkerke} = 0.199, \quad R^2 \text{ McFadden} = 0.135$$

dimana

Y_1	= Kekerapan Menonton 0 dan 1 Kali Dalam Sebulan
D_1	= Dorongan – Minat
D_3	= Dorongan – Kawan
D_4	= Dorongan – Bosan
S_3	= Sumber Informasi - Poster/Brosur
M_1	= Medium – Pawagam
M_3	= Medium – Internet
M_4	= Medium – Astro
K_1	= Kepuasan - Emosi/Jiwa
P_2	= Filem - Hindi/Tamil
P_3	= Filem – Inggeris
P_4	= Filem - Jepun/Korea
P_6	= Filem – Malaysia
G_7	= Genre – Horror
G_8	= Genre – Thriller
T_1	= Tema-Keluarga

Persamaan Model Umum Kategori kedua Y_2 ialah:

$$Y_2 = \beta_0 + \tau_1 D_1 + \tau_3 D_3 + \tau_4 D_4 + \tau_5 D_5 + \varphi_3 S_3 + \varphi_5 S_5 + \sigma_1 M_1 + \sigma_3 M_3 + \delta_4 K_4 + \alpha_3 P_3 + \gamma_3 G_3 + \gamma_7 G_7 + \gamma_8 G_8 + \pi_1 T_1 + u \quad (4)$$

dimana Y_2 menandakan pembolehubah bersandar dalam bentuk kategori iaitu kekerapan penontonan sebanyak 2 kali dalam sebulan. Persamaan Model Regresi Multinomial Kategori Ke-2:

$$Y_2 = -2.31 + 0.81D_1 + 0.50D_3 - 0.22 D_4 + 0.21D_5 + 0.23S_3 - 0.34S_5 + 0.95M_1 + 0.93M_3 - 0.01K_4 - 1.18P_3 + 0.23G_3 - 0.58G_7 + 0.18G_8 + 0.42T_1$$

R^2 Cox and Snell = 0.099, R^2 Nagelkerke = 0.146, R^2 McFadden = 0.092
dimana

Y_2	= Kekerapan Menonton 2 Kali Dalam Sebulan
D_1	= Dorongan – Minat
D_3	= Dorongan – Kawan
D_4	= Dorongan – Bosan
D_5	= Dorongan – Rutin
S_3	= Sumber Informasi - Poster/Brosur
S_5	= Sumber Informasi – Cerita kawan
M_1	= Medium – Pawagam
M_3	= Medium – Internet
K_4	= Kepuasan – Informasi
P_3	= Filem – Inggeris
G_3	= Genre – Romantik
G_7	= Genre – Horror
G_8	= Genre – Thriller
T_1	= Tema-Keluarga

Persamaan Model Umum Kategori ketiga Y_3 ialah:

$$Y_3 = \beta_0 + \sigma_3 M_3 + \alpha_3 P_3 + \gamma_4 G_4 + \gamma_7 G_7 + \gamma_8 G_8 + \pi_3 T_3 + \pi_5 T_5 + u \quad (5)$$

dimana Y_3 menandakan pembolehubah bersandar dalam bentuk kategori iaitu kekerapan penontonan sebanyak 3 hingga 4 kali dalam sebulan. Persamaan Model Regresi Multinomial Kategori Ke-3:

$$Y_3 = -0.85 - 0.68 M_3 + 1.08 P_3 - 1.37 G_4 + 0.13G_7 - 0.10 G_8 + 1.03T_3 - 0.06T_5$$

R^2 Cox and Snell = 0.099, R^2 Nagelkerke = 0.132, R^2 McFadden = 0.075

4.1.2 Keputusan Regresi Model

Dapatan kajian melalui model terbaik daripada setiap kategori menunjukkan bahawa faktor yang mendorong penonton di Sabah dipengaruhi oleh persepsi luaran dan dalaman keadaan pawagam dan filem yang bakal ditayangkan. Perkara ini membuktikan faktor persepsi penonton terhadap medium penontoran melalui TV terrestrial, produksi filem pilihan, genre-filem seram (hantu) dan genre-filem seram (thriller) sangat bererti dalam meningkatkan kekerapan penonton ke pawagam kerana ketiga-tiga model terbaik memilih faktor ini sebagai faktor penyumbang utama.

dimana

Y ₃	= Kekerapan Menonton 3 ke 4 Kali Dalam Sebulan
M ₃	= Medium – Internet
P ₃	= Filem – Inggeris
G ₄	= Genre – Drama
G ₇	= Genre – Horror
G ₈	= Genre – Thriller
T ₃	= Tema – Agama
T ₅	= Tema – Sejarah

5.0 KESIMPULAN

Filem mampu dikaji dari pelbagai sudut bidang akademik seperti kajian industri (*industrial research*), pengajian sosial (*social studies*), pengajian filem (*film studies*), penerbitan filem (*film production*) dan pelbagai lagi. Kajian filem juga boleh dihujah sebagai *pure research* mahupun sebagai *applied research*, dan boleh dikaji secara kuantitatif mahupun kualitatif. Permodelan matematik yang telah dijalankan terhadap data responden adalah sepenuhnya menyokong objektif kajian ini. Pembolehubah dalam model terbaik untuk setiap kategori menunjukkan faktor persepsi penonton sangat menyumbang kepada kekerapan penonton ke pawagam. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa filem mampu dijadikan alat untuk mengubah sikap masyarakat ke arah lebih positif melalui persepsi yang diperolehi selepas menonton sesebuah filem. Peranan dan tanggungjawab penerbit filem sangat penting dalam menghasilkan filem yang mampu membudayakan minda positif dalam masyarakat dan berpotensi mengurangkan masalah sosial yang saban hari tidak lekang terpapar di dada-dada akhbar. Datuk Seri Musa Aman berkata, “penerbitan filem dan dokumentari berkaitan sejarah negeri Sabah yang memaparkan kejayaan dan perjuangan tokoh-tokoh terdahulu dan hari ini dapat diterbitkan dalam bentuk filem, animasi dan dokumentari” [17]. Hal ini penting bagi membentuk pemikiran dan sikap positif masyarakat dalam membantu pembangunan negara bangsa yang bersatu padu.

Filem mempunyai nilai yang cukup besar dari aspek sosial dan juga estetika bukan sekadar produk yang diniagakan bagi tujuan kewangan. Filem tetap relevan dari perspektif sistem kitaran ekonomi walaupun dikenali sebagai karya seni serta mempunyai asas sosial yang kuat. Perkara utama yang harus diambil kira ialah usaha membudayakan filem dalam masyarakat, berpotensi membawa perubahan kepada sikap positif yang tertonjol dalam filem. Di samping itu, peningkatan kegiatan dalam industri perfilemen akan dapat menyumbang pada perancangan kerajaan ke arah mengukuhkan ekonomi negara dan meningkatkan gaya hidup rakyat termasuk di Sabah supaya lebih selesa dengan tawaran hiburan yang bermutu.

Transformasi sosial merupakan satu perubahan yang boleh membina keadaan ekonomi dan kemakmuran negara ke tahap yang lebih membanggakan. Hal ini mengharapakan satu anjakan paradigma dan transformasi budaya secara keseluruhannya, terutama daripada perubahan persepsi dan sikap diri dalam bekerja dengan lebih produktif dan berinovasi. Justeru, peranan filem dalam mendidik masyarakat dalam bentuk hiburan tidak seharusnya diperkecilkan malah satu transformasi harus dilakukan bagi membina sebuah budaya penontonan yang sihat. Hasil kajian ini secara tidak langsung membuka jalan kepada penerbit filem untuk menghasilkan lebih banyak filem yang mengikut citarasa penonton dan persepsi mereka untuk mencorakkan lagi industri perfileman negara. Ini secara tidak langsung dapat melahirkan masyarakat yang mengubah sikap untuk maju ke hadapan dan menyahut seruan Perdana Menteri serta meningkatkan transformasi sosial di negeri Sabah khususnya.

PENGHARGAAN

Penulis makalah ini menyatakan penghargaan kepada FINAS dan Universiti Malaysia Sabah atas geran penyelidikan SBK0249-SG-2015 untuk kajian ini.

RUJUKAN

- [1] Utusan Malaysia. Industri Perfileman Perlu Transformasi. <http://ww1.utusan.com.my>. 2011.
- [2] Aziz, Jamaluddin, Hasrul Hashim, and Faridah Ibrahim. "Malaysian Film Industry in transformation: challenges and potential." *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication* 30, no. 1 (2014): 37-51.
- [3] Zaeny, A. "Transformasi Sosial Dan Gerakan Islam Di Indonesia." *Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam* 2, no. 1 (2005): 153-165.
- [4] Sinar Online. Finas: Industri Filem Malaysia Makin Pesat. <http://www.sinarharian.com.my>. 2003.
- [5] Zulkiple Abd. Ghani. *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2003.
- [6] Hashim, Hasrul, Jamaluddin Aziz, and Faridah Ibrahim. "Filem Dan Revolusi Teknologi: Persepsi Penggunaan Cgi Dari Aspek Estetik & Kreativiti." *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication* 30 (2014): 95-106.
- [7] Iman, Ubong. "Sifat dan motivasi penontonon filem dalam kalangan penonton filem di Malaysia." *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)* (2015).

- [8] Tengku Nuzulul Qurriyani. Deteksi Dini Potensi Kebangkrutan Bank Melalui Analisis Rasio Keuangan dan Market Effect Model Regresi Logistik Multinomial. Indonesia: Universitas Indonesia. 2012.
- [9] Yudissanta, Arief, and Madu Ratna. "Analisis Pemakaian Kemoterapi pada Kasus Kanker Payudara dengan Menggunakan Metode Regresi Logistik Multinomial (Studi Kasus Pasien di Rumah Sakit "X" Surabaya)." *Jurnal Sains dan Seni ITS* 1, no. 1 (2012): D112-D117.
- [10] Zulkifli, Moch, and Jeffry Maulana. "PENDEKATAN REGRESI LOGISTIK MULTINOMIAL PADA KLASIFIKASI PEMILIHAN JURUSAN SISWA SMA NEGERI 5 MALANG." *Jurnal Mahasiswa Statistik* 2, no. 5 (2014): pp-349.
- [11] Malin, T. dan Birch, A. *Research Method and Statistics*, Macmillan, London. 1997.
- [12] Chin, S. N., Noraini, A. dan L. P. Poh. "Determinants of Comorbidity in Rheumatoid Arthritis: Influence of Demographic and Duration of Illness." *Journal of Advanced Research Design* 22, no. 1, (2016): 13-22.
- [13] Hosmer, D.W. dan Lemeshow, S. *Applied Logistic Regression*. New York: John Willey & Sons, Inc, 2000.
- [14] Susanto, Astrid S. *Komunikasi Massa*. Bandung: Bina Cipta. 1982.
- [15] Sumarno, M. *Dasar – Dasar Apresiasi Film*. Jakarta: Gramedia. 1992.
- [16] Zainodin, H. J. and G. Khuneswari. "Model-building approach in multiple binary logit model for coronary heart disease." *Malaysian Journal of Mathematical Sciences* 4, no. 1 (2010): 107-133.
- [17] Bernama. *Musa Mahu UMS Rangka Pelan Strategik Majukan Industri Perfileman Sabah*. <http://blis2.bernama.com/>. 2011.